

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan mengapakah kita masih perlu mempunyai penanaman baru kelapa sawit memandangkan prospek minyak kelapa sawit tidak menentu pada masa kini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Hala tuju Kerajaan adalah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil sawit melalui sumber sedia ada yang terhad dengan menggunakan teknik dan mekanisme yang lebih baik. Ini memandangkan negara mempunyai kawasan penanaman yang terhad. Antara teknik dan mekanisme yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

- (i) penggunaan teknologi genom bagi penghasilan benih yang lebih berkualiti;
- (ii) mekanisasi ladang dan penggunaan jentera yang lebih efektif dalam proses tuaian; dan
- (iii) pembangunan formulasi dan penggunaan baja yang cekap nutrien serta kawalan penyakit dan perosak yang berkesan.

Mengambil kira tuduhan berterusan oleh negara luar yang mengaitkan industri sawit dengan penyahhutan dan kemusnahan biodiversiti, Kerajaan telah menetapkan had keluasan tanaman sawit pada 6.5 juta hektar bagi memastikan industri sawit tidak lagi dikaitkan isu penyahhutan. Aktiviti peluasan penanaman baru bukanlah langkah utama yang efektif dalam meningkatkan pengeluaran hasil sawit negara.

Sekian, terima kasih.